

# ANALISIS PENGURUSAN AKIDAH DI MALAYSIA: KAJIAN TERHADAP LEGASI JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM) DI TIGA ERA PEMERINTAHAN BARISAN NASIONAL (BN), PAKATAN HARAPAN (PH) DAN PERIKATAN NASIONAL (PN) DALAM MENDEPANI ISU AKIDAH DAN PEMIKIRAN SEMASA

## ANALYSIS OF FAITH MANAGEMENT IN MALAYSIA: A STUDY ON THE LEGACY OF THE DEPARTMENT OF ISLAMIC DEVELOPMENT MALAYSIA (JAKIM) IN THE THREE ERAS OF BARISAN NASIONAL (BN) GOVERNMENT, PAKATAN HARAPAN (PH) AND PERIKATAN NASIONAL (PN) IN DEALING WITH CURRENT FAITH AND THOUGHT ISSUES

Sophian Rambli<sup>1</sup>  
Engku Ahmad Zaki Engku Alwi<sup>2</sup>  
Azaruddin Awang<sup>3</sup>  
Azman Che Mat<sup>4</sup>  
Ahmad Faizal Ramly<sup>5</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Malaysia, (E-mail: sopet77@gmail.com)

<sup>2</sup> Fakulti Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Malaysia, (Email: drkuzaki@unisza.edu.my)

<sup>3</sup> Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Malaysia, (E-mail: azaru154@tganu.uitm.edu.my)

<sup>4</sup> Fakulti Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Malaysia, (E-mail: azman531@tganu.uitm.edu.my)

<sup>5</sup> Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Malaysia, (Email: faizalramly@uitm.edu.my)

### Article history

**Received date** : 12-12-2021  
**Revised date** : 13-12-2021  
**Accepted date** : 15-2-2022  
**Published date** : 15-3-2022

### To cite this document:

Rambli, S., Engku Alwi, E. A., Awang, A., Che Mat, A., & Ramly, A. F. (2022). Analisis Pengurusan Akidah Di Malaysia: Kajian Terhadap Legasi Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) di Tiga Era Pemerintahan Barisan Nasional (BN), Pakatan Harapan (PH) dan Perikatan Nasional (PN) dalam Mendepani Isu Akidah dan Pemikiran Semasa. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 7(43), 238 - 253.

**Abstrak:** Islam sinergi dan mendepani dalam urus tadbir kehidupan manusia. Ini termasuk hal ehwal Islam walaupun mendiami pelbagai etnik, budaya dan kepercayaan. Artikel ini membincangkan konsep dan praktikal mengenai pengurusan akidah termasuk isu akidah dan aliran semasa di Malaysia menfokuskan kepada beberapa fasa gelombang politik di Malaysia

dari tahun 2014 sehingga 2020. Penulis menggunakan kaedah kajian kualitatif dalam mendapatkan data dan maklumat iaitu temu bual, pemerhatian dan kajian kepustakaan. Dapatan menunjukkan terhadap tema, pendekatan, strategik daripada ketiga-tiga era iaitu dalam pengurusan akidah bagi mendepani isu akidah dan aliran semasa di Malaysia. Walaupun terhadap isu dan cabaran sama ada diperingkat persekutuan dan negeri-negeri dalam urus tadbir hal Islam di dalam artikel ini menfokuskan kepada pengurusan akidah, akan tetapi menjadi anjakan paradigma dalam survival seterusnya umat Islam khususnya dalam pengurusan akidah di Malaysia.

**Kata Kunci:** *Legasi Pengurusan Akidah, Barisan Nasional (BN), Pakatan Harapan (PH), Perikatan Nasional (PN)*

**Abstract:** *Islam is synergistic and confrontational in the governance of human life. This includes Islamic affairs despite inhabiting various ethnicities, cultures and beliefs. This article discusses the concepts and practices of faith management including faith issues and current trends in Malaysia focusing on several phases of the political wave in Malaysia from 2014 to 2020 in era The National Front (BN), The Alliance of Hope (PH), The National Alliance (PN). The author uses qualitative research methods in obtaining data and information namely interviews, observations and library research. Findings show the themes, approaches, strategies from the three eras, namely in the management of faith to face the issue of faith and current trends in Malaysia. Although the issues and challenges at the federal and state levels in the governance of Islamic affairs in this article focuses on the management of faith, but it is a paradigm shift in the next survival of Muslims, especially in the management of faith in Malaysia. Findings show the themes, approaches, strategies from the three eras, namely in the management of faith to face the issue of faith and current trends in Malaysia. Although the issues and challenges at the federal and state levels in the governance of Islamic affairs in this article focuses on the management of faith, but it is a paradigm shift in the further survival of Muslims, especially in the management of faith in Malaysia.*

**Keywords:** *Legacy of Faith Management, Barisan Nasional (BN), Pakatan Harapan (PN), Perikatan Nasional (PN)*

---

## **Pendahuluan**

Kepelbagaian corak pemerintahan seperti kepentingan tertentu tidak menjadikan tujuan dan matlamat kemaslahatan umat Islam di Malaysia diketepikan bagi mengutamakan keharmonian dalam hubungan etnik di Malaysia. Walaupun demikian tidak dinafikan terdapat isu dan cabaran dalam pelaksanaan urus tadbir hal ehwal Islam di peringkat persekutuan mahupun diperingkat negeri. Tema dan kaedah yang memegang kepimpinan di masa pemerintahan sejak dulu ketika Barisan Nasional (BN) memerintah dalam masa yang lama, bertukar gelombang politik baru apabila bertukar ganti dengan kerajaan baru iaitu Pakatan Harapan (PH). Seterusnya berlaku perubahan politik dan pemerintahan beralih arah kepada pemerintahan Perikatan Nasional (PN). Apapun keadaan, institusi Islam bersikap lebih terbuka dalam menjalankan amanah dan tanggungjawab bagi mengukuhkan hal ehwal Islam di Malaysia. Manakala amalan

hisbah telah dijalankan dalam pemerintahan Islam sejak dahulu walaupun mengalami turun naik pemerintah dan diguna pakai dalam pemerintah iaitu sebagai medium mengajak kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran.

Di dalam dunia terkini istilah ini jarang digunakan akan tetapi cara pengamalan sebagai mekanisme memperkasakan 'Amar makruh dan nahi mungkar' selari dengan amalan hisbah di setiap praktikal dalam urus tadbir hal ehwal Islam bagi organisasi dan institusi Islam. Dan juga pengamalan takaful iaitu kerjasama strategik, mempraktikkan amalan syura (pemuafakatan) di Malaysia. Sebagai Institusi Islam peringkat persekutuan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), sebagai urus setia penyelarar hal ehwal Islam peringkat arus perdana dan diperkukuhkan dengan bidang kuasa Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), Jabatan Agama Islam Negeri dan Jabatan Mufti Negeri di Malaysia. Kerjasama Pintar ini atau dalam istilah '*ta'awun*' sangat relevan dan signifikan bagi memperkasakan institusi Islam di Malaysia bagi mendapam isu akidah dan pemikiran semasa yang kian mencabar dalam arus perdana di Malaysia. Walaupun demikian kerjasama yang lain seperti pihak ilmuan dan ahli akademik di Universiti, Badan Bukan Kerajaan atau NGO serta alim ulama serta pendakwah juga memainkan peranan dan menyumbang kepada pengukuhan dan pemerkasaan pagangan akidah umat Islam. Ini kerana kedekatan dan di akar umbi tokoh-tokoh serta pendakwah sama ada di kalangan ahli akademik di universiti, pendakwah di NGO Islam masing-masing dan sukarelawan dalam membantu menyalurkan dan menyampaikan ajaran Islam kepada masyarakat Islam disebabkan kedudukan golongan tersebut sering kali medium komunikasi dengan masyarakat Islam secara langsung pada setiap masa di dalam masyarakat. Hal ini juga dalam kuliah-kuliah mingguan dan bulanan serta program berkala memberi impak interaksi antara masyarakat dengan ilmuan dan pendakwah di samping bekerjasama dengan agensi atau organisasi Islam peringkat persekutuan atau negeri-negeri di Malaysia

Islam merupakan agama Persekutuan, pastinya akidah menjadi tonggak kepada kestabilan dan kelangsungan Islam sebagai anutan yang terbesar di negara ini sekaligus menjadi benteng kepada umat Islam. Sekiranya akidah yang sahih gagal dipertahankan, umat Islam di Malaysia pasti akan berpecah belah. JAKIM merupakan badan yang diamanahkan untuk mempertahankan agama Islam dari ancaman dalaman dan dari luar negara yang pelbagai sifat. Apa yang pasti, kerajaan ingin melihat umat Islam di negara ini bebas dan terkawal daripada sebarang ancaman, masalah, isu, polemik mengenai akidah kerana dengan keclaruan akidah boleh memudaratkan kestabilan negara, (Diakses di [www.sinarharian.com.my](http://www.sinarharian.com.my) pada 12/07/2017). Oleh yang demikian kerajaan melalui peranan JAKIM cuba menyelaras dan mentadbir dalam satu strategi melalui penubuhan beberapa unit kecil dalam organisasi JAKIM itu sendiri. Antaranya langkah proaktif JAKIM untuk mempertahankan kesucian akidah Islam Gagasan Pentadbiran Islam di Era Barisan Nasional, seterusnya di masa Malaysia Baharu berkesinambungan peralihan kuasa pemerintahan di masa Perikatan Nasional pada tahun 2020 sehingga ke hari ini. Walaupun perbezaan parti politik dan pendekatan, akan tetapi agensi pengukuhan dan pemerkasaan agama Islam tetap dipertahankan.

Objektif dan tujuan kajian ini meliputi beberapa perkara iaitu potensi pemerkasan institusi Islam iaitu urus tadbir hal ehwal Islam termasuk pengurusan akidah antara isu-isu akidah, pemikiran semasa agar dalam dikelola dengan baik untuk melakar kestabilan ummah serta kesatuan ummah di Malaysia. Walaupun perubahan geopolitik dan gelombang arus perdana pemerintahan negara di Malaysia, perlu dipertahankan selari dengan bidang kuasa dan punca kuasa agama Islam menjadi hal yang penting di dalam Perlembagaan Persekutuan serta Undang-undang tubuh Negeri-negeri di Malaysia.

Selain daripada itu ia menjadi keutamaan dan kemaslahatan umat Islam di Malaysia menjalankan amanah dan tanggungjawab bersama sama ada pemerintahan persekutuan dan negeri-negeri di Malaysia melalui pembedayaan jaringan strategik ummah dalam hal ehwal Islam terutama pengurusan akidah di Malaysia serta perpaduan rakyat Malaysia pelbagai kaum, kepercayaan dan adat resdam.

Secara ringkasnya dalam kerangka kajian yang dilakukan oleh penulis mendapati beberapa domain yang menjadi tarikan untuk dipaparkan dalam penyelidikan iaitu prospek pengurusan akidah di Malaysia mendapani konteks kepelbagaian termasuk geopolitik yang sepatutnya mengutamakan kesejahteraan masyarakat Islam walaupun secara realiti berhadapan dengan cabaran dalam masyarakat pelbagai di Malaysia. Termasuk pendekatan yang menggunakan tema yang berbeza-beza mengikut kaedah serta strategik pihak yang bertanggungjawab terutama yang memimpin institusi Islam peringkat nasional mahupun peringkat negeri-negeri di Malaysia/.

### **Metodologi Kajian**

Metod adalah jalan yang dipakai untuk mendapatkan pengetahuan ilmiah. Ia juga salah satu kaedah atau pendekatan seperti jalan yang ditempuh dalam penyelidikan tidak sampai kepada suatu kesimpulan ilmiah, maka ia bukanlah suatu metode (Md Nawawi: 2018). Metodologi bermaksud cara memperoleh pengetahuan mengenai sesuatu. Berasal dari perkataan Yunani dari gabungan *method* dan *logos* (sains mencari ilmu). Metodologi ditakrifkan Kamus Dewan (2004). sebagai sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan, disiplin dan sebagainya. Dalam menyelesaikan kajian ini, beberapa kaedah yang dikenal pasti dapat membantu sepanjang proses penyelidikan ini iaitu, pertama penyelidikan perpustakaan (Sidek Mohd Noah, 2002) dan kajian lapangan. Kajian perpustakaan (*library research*) merupakan penelitian terhadap buku, buku, makalah, tulisan terdahulu yang menyentuh tentang maklumat yang menyentuh akidah, perkembangan akidah dan pengamalan di Malaysia, peranan JAKIM dan sebagainya. Justeru, penelitian terhadap kajian yang terdahulu dilakukan termasuk aspek-aspek yang menyentuh merangkumi sejarah perkembangan Islam di Malaysia. Selanjutnya, data yang lebih terkini juga diperolehi melalui mekanisme temubual separa struktur (Mok Soon Sang, 2014). Namun secara umumnya kajian ini adalah kajian yang lebih bersifat penyelidikan kualitatif dengan penumpuan maklumatnya adalah kepada kajian lapangan.

Antara responden dan informan untuk mendapatkan data melalui temu bual iaitu

1. Kategori akademik dan universiti (Prof. Dr Mohd Radhi Ibrahim), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).
2. Kategori Pakar & Panel bidang Akidah, (Prof. Dato Zakaria Stapa), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
3. Kategori Badan Bukan Kerajaan (NGO), Prof Madya Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, Timbalan CEO, IAIS Malaysia.
4. Kategori Institusi dan agensi Islam Institut Kajian Strategik Islam Malaysia (IKSIM), Ustaz Engku Ahmad Fadzil Engku Ali.

### **Sorotan Kajian Terdahulu**

Penyelidik akan meneliti kajian atau penyelidikan yang belum dilakukan oleh pengkaji sebelumnya. Sememangnya tulisan-tulisan tentang JAKIM dan juga menyentuh pelbagai aspek dan sudut pandang yang berbeza. Antaranya ialah:

Kajian yang pernah dibuat tentang masalah yang boleh dikaitkan dengan masalah yang akan dikaji itu sama ada secara langsung atau tidak langsung. Dan jua pemahaman secara mendalam tentang perbincangan yang lepas amat diperlukan. Seterusnya mengenai sorotan kajian lepas iailah proses penelitian, penilaian dan pemahaman secara mendalam hasil kajian dan penyelidikan yang lepas yang mempunyai kaitan dengan persoalan yang akan dikaji. Hasil dari penelitian ini akan menampakkan ruang atau lompong dalam pengetahuan berkaitan yang harus dilengkapi.

Mustafa Awang (2003), Usaha-usaha pemurnian akidah Islam: Analisis khusus terhadap usaha-usaha Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Pusat Pemurnian Akidah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) di Hulu Yam Bharu, Selangor. Kajian ini secara umumnya menjelaskan bahawa pendekatan dan kaedah yang dilakukan oleh dua agensi Islam iaitu JAKIM dan JAIS di beberapa tempat di Selangor. Dan juga kajian ini membantu dalam melihat usaha-usaha yang telah dilakukan oleh kedua-dua agensi Islam dalam pemurnian akidah Islam. Bagi penyelidik, aspek usaha-usaha permurnian secara umum ini dapat dilakukan kajian lanjutan agar dalam memberi gambaran yang lebih jelas dan mendalam untuk kajian berikutnya.

Nooraini Mohd Noor (2005), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Peranannya dalam pendidikan sosial di Malaysia, dalam kajian ini, ianya hanya menjelaskan JAKIM serta peranan dalam pendidikan sosial secara umum. Walaupun demikian ada aspek lain membantu untuk kajian lanjutan secara komprehensif dan mendalam terutama aspek akidah dan pemikiran Islam.

Wan Roslina Wan Daud (2005), Kesatuan Ilmu dan amal dalam konteks pentadbiran beradab, Satu Kajian di JAKIM, lebih menfokuskan kepada tradisi ilmu dan pembangunan pendidikan yang telah dilakukan oleh JAKIM dalam memartabatkan ilmu-ilmu Islam di Malaysia.

Mohd Radhi Ibrahim (2006), Akidah dan Pembangunan Tamadun, dalam buku ini menjelaskan akidah dalam memberi kekuatan bagi pembangunan tamadun Islam. Buku ini membantu dalam penjelasan kepada aspek akidah juga mengukuhkan pegangan umat Islam walaupun mengalami perubahan dalam ketamadunan sama ada fizikal dan material. Perbincangan penyelidikan ini menjelaskan Islam merupakan satu agama yang lengkap dan menyeluruh. Dan juga ajarannya meliputi pelbagai aspek kehidupan sama ada berkaitan dengan keduniaan mahupun akhirat.

Daripada itu ia membentuk kesyumulan yang sememangnya wajar diberi perhatian secara mendalam bagi memastikan perlaksanaan Islam tidak hanya terbatas kepada aspek tertentu sahaja dalam kehidupan umat Islam. Kekuatan agama Islam ditunjang oleh akidah tauhid yang merupakan asas serta yang menjadikan criteria utama membezakan umat Islam dari umat-umat lain. Akidah ini telah menjadikan asas kepada pembangunan tamadun Islam sejak dari zaman Rasulullah SAW hingga ke hari ini dan juga melalui perkembangan yang pelbagai. Penyelidikan dan kajian ini sangat membantu dalam memperdalamkan kajian lanjutan kerana sangat relevan dan mempunyai hubungan dalam perbincangan mengenai akidah dan pemikiran Islam. Ini juga menekankan kepentingan akidah dalam kehidupan umat Islam dan peranannya dalam pembangunan tamadun.



Hal ini kerana fenomena sebahagian ahli masyarakat semasa yang kurang jelas dalam melihat peranan tersebut malah lebih cenderung menerima ilmu akidah sebagai ilmu yang bersifat teoritikal semana-mata. Dengan kajian lanjutan nanti penyelidik akan membincangkan peranan insituti iaitu JAKIM yang memainkan peranan dalam pengukuhan akidah dan pemikiran Islam. Kaitan penyelidikan-penyelidikan lain tidak banyak meneliti dan mengkaji secara mendalam agensi Islam dan sejauh manakan peranan dalam perkembangan Islam termasuk mempertahankan akidah dan pemikiran Islam di Malaysia.

Dalam masa yang sama peranan atau nilai praktikal ilmu tersebut tidak terserlah dalam aktiviti kehidupan harian. Kesannya, biarpun nilai ilmu anggota masyarakat meningkat namun nilai moral atau adab mereka tidak meningkat. Implikasi sosial dari fenomena tersebut ialah berleluasanya penyakit sosial dalam masyarakat, tersebaranya ajaran sesat dan juga munculnya pemahaman yang melampau (ektremes) dalam akidah, yang menghalang pembangunan tamadun Islam. Dapatlah simpulkan bahawa penyelidikan sangat membantu dalam memperkembangan perbincangan dalam kajian lanjutan kelak yang akan dikaji oleh penyelidik.

Trevor Wade Chueh Hui Preston (2012), *The State Islam Nexus, Islam and the State in Indonesia and Malaysia 1982-2008*, secara umumnya menjelaskan bahawa secara umum perbincangan sistem pemerintahan yang diamalkan di Malaysia, penyelidik banyak mengemukakan perbandingan di antara Malaysia dan Indonesia yang mempunyai majoriti penganut Islam serta mengamalkan kehidupan berlandaskan ajaran Islam.

Namun tidak banyak dibincangkan mengenai peranan agensi Islam sama ada parti politik berasaskan ideologi dan perjuangan Islam, institusi Islam yang mengurus dan mentadbir bagi hal ehwal Islam. Ini memberi peluang untuk penyelidik untuk mengkaji dengan lebih mendalam kekurangan dan membincangkan dengan lebih komprehensif mengenai agensi Islam di Malaysia. Walaupun demikian penyelidikan ini juga membantu dan memberi maklumat dan data-data yang dapat dihubungkan bagi memberi gambaran umum perkembangan Islam terutama di Malaysia.

Mahfuzah Zohdi, Yusri Mohammad Ramli, Jaffary Awang (2014), *Peranan dan Sumbangan JAKIM dalam Dialog antara Agama*, merupakan kajian mengenai kaedah dan metodologi dalam memberi impak kepada keharmonian dan kesejahteraan masyarakat Islam termasuk pegangan agama. Kajian menfokuskan kepada dialog sebagai salah satu pendekatan yang berkesan dan toleransi dilakukan sama ada individu mahupun kelompok. Penyelidikan ini hanya menfokuskan pendekatan dan keadah dialog yang dilakukan oleh pihak JAKIM dan agensi Islam lain dalam membuka ruang perpaduan di antara pelbagai kepercayaan dan keyakinan di Malaysia.

Mohd Radhi Ibrahim (2013), *Pengurusan Akidah Dalam Kehidupan Muslim* iaitu menjelaskan doktrin akidah adalah merupakan pemikiran setiap individu. Oleh itu, ianya perlu diberi perhatian dan diurus serta dikukuhkan dengan baik dan teliti. Sebaliknya, kegagalan mengurus dan mengatur perkara ini akan menyebabkan kekeliruan, penyimpangan, perpecahan, pertembungan dan kemusnahan dalam pelbagai aspek. Dan juga daripada hal tersebut akan menyebabkan impak yang negatif sesama Islam.

Realiti semasa umat Islam yang agak tertindas di banyak kawasan di dunia, ianya memerlukan satu pendekatan dan penjelasan akidah yang mudah dan jelas, ini dilakukan agar boleh mengukuhkan perpaduan serta menguatkan sesama umat Islam. Pegangan akidah yang benar

dan kukuh juga boleh menjadi pemangkin untuk mendorong individu, kumpulan, kelompok, institusi dan sesebuah komuniti masyarakat terutama umat Islam dapat melakukan amal soleh dan menjauhi perkara keji serta mungkar. Jika diteliti antara faktor utama yang membawa kepada keadaan realiti sesama umat Islam yang dapat diketahui dan dilihat lemah, berbalah sesama sendiri dan seumpamanya ialah kegagalan mereka untuk mencari titik temu dalam setiap permasalahan yang dibincangkan.

Ini amat membimbangkan serta menjadi ancaman persatuan, ikatan persaudaraan gagal untuk dipulihkan. Dan juga di antara isu yang memperselisihkan umat Islam ialah perbezaan pandangan dalam menentukan sumber akidah, asas, dan juga furuk akidah. Penyelidik mendapati kelebihan kepada kajian yang akan dilakukan untuk memantapkan penjelasan dan perbincangan mengenai kajian akidah secara komprehensif dan mendaam walaupun demikian, tidak dijelaskan hubungan agensi atau institusi juga dapat membantu mentadbir dan mengurus hal ehwal Islam termasuk pengukuhan dan permurnian akidah serta pemikiran Islam.


Mohd Aizam Bin Mas'od (2013), Diskusi Isu Akidah dan Pemikiran Islam di Malaysia menjelaskan dan membincangkan isu akidah yang terdapat di Malaysia seperti sejarah dan perkembangannya. Isu-isu yang berkaitan dengan ancaman akidah dan pemikiran semasa di Malaysia berasaskan metod akademik, mengekalkan nilai-nilai ilmiah dan mengambil rujukan daripada pihak berautoriti bagi menentukan kedudukan atau pendirian rasmi pihak berwajib berkenaan satu-satu isu. Dalam penyelidikannya merangkumi pelbagai pendekatan iaitu sama ada ia berbentuk penjelasan mendatar atau hujah balas terhadap akidah dan pemikiran yang menyeleweng daripada akidah dan syariah Islam.

Secara keseluruhannya penyelidikan ini banyak memberi kelebihan kepada kajian yang akan dilakukan oleh penyelidik kerana maklumat dan data-data dibincangkan serta dibahaskan sangat relevan. Ini akan banyak membantu dalam meneliti secara mendalam dan komprehensif kepada kajian yang tidak banyak dilakukan oleh penyelidik-penyelidik sebelumnya khususnya peranan agensi Islam dalam pengurusan isu-isu akidah di Malaysiasebagai fokus kajian penyelidikan. Dalam buku Diskusi Isu Akidah dan Pemikiran Islam di Malaysia, ia berbentuk mendatar atau lebih hujah balas terhadap akidah dan pemikiran yang menyeleweng daripada akidah dan syariah Islam.


Seterusnya, setelah memaparkan kajian-kajian sebelum terdapat masih banyak ruang dan hal-hal yang belum dikaji oleh penyelidik lain. Ini akan dapat memberi kesempatan untuk penyelidik untuk menfokuskan, mengkaji secara mendalam serta terperinci terhadap institusi ini iaitu JAKIM sebagai domain kajian agar ianya dapat dijadikan sebagai penyelidikan yang menghasilkan manfaat bukan hanya kepada institusi iaitu JAKIM tetapi melihat juga keunikan, peranan pengukuhan akidah dan pemikiran Islam di Malaysia.

### **Kerangka Konsep Kajian**

Penulis mendapati beberapa kerangka konsep kajian untuk dijadikan sebagai asas kepada pemaparan serta perbincangan mengenai tema dan topik yang dibincangkan. Antara meliputi pengurusan akidah di masa pemerintahan yang berbeza iaitu Barisan Nasional, Pakatan Harapan Malaysia Baru dan Perikatan Nasional. Penulis mendapati beberapa pendekatan dan kerjasama strategik dari pihak Kerajaan Persekutuan dan Negeri-negeri di Malaysia. Walaupun demikian terdapat cabaran dalam pelaksanaan dan pengukuhan akidah khususnya isu-isu akidah berbangkit serta pemikiran semasa. Selain daripada itu, kepentingan tertentu yang dikaitkan dengan geopolitik di ketiga-tiga era tersebut.



Berdasarkan gambarajah di atas, penulis mendapati tema-tema atau pendekatan yang digunakan dalam pelaksanaan dan pemeraksanaan urus tadbir hal ehwal Islam bagi setiap era pemerintahan ketiga-tiganya. Ini kerana penulis hanya menfokus pengurusan akidah termasuk-isu-isu dan pemikiran semasa yang berlaku. Seterusnya kaedah dan pendekatan yang diguna pakai oleh JAKIM dan JAIN serta Badan Bukan Kerajaan atau NGO bersama-sama memperkukuhkan pegangan umat Islam daripada penyelewangan dan penyimpangan. Dan juga, peranan dan sumbangan ulama, pendakwah yang mempunyai pengaruh, pengikut dan selari dengan tuntutan semasa dalam menyampaikan ajaran Islam kepada masyarakat Islam di media masing-masing seperti masjid, surau, pengajian atas talian atau media sosial.



Pelbagai Langkah-langkah dan tindakan pada setiap era pemerintahan dari ketiga-tiga iaitu Barisan Nasional, Malaysia Baru Pakatan Harapan dan juga Perikatan Nasional. Namun kerjasama yang kukuh dengan Negeri-negeri yang mempunyai bidang kuasa dari aspek perundangan seperti enakmen dan ordinan sekiranya berlaku kesalahan-kesalahan melibatkan keagamaan dan termaktub dalam pewartaan di negeri-negeri di Malaysia.



### **Dapatan Kajian**

Walaupun dengan menerokai dan meneliti ketiga-fasa pemerintahan sama di masa Barisan Nasional (BN) dengan tema dan pendekatan Pembangunan Islam, Islam Hadhari dan Wasatiyyah, Pakatan Harapan (PH) dengan berkonsepkan Negara Rahmah dan Perikatan Nasional (PN) juga mengemukakan tema iaitu Manhaj Rabbani. Akan tetapi institusi Islam diterajui oleh JAKIM di peringkat nasional atau persekutuan dan MAIN, JAIN dan JMN di peringkat negeri-negeri di Malaysia yang mempunyai bidang kuasa masing-masing dalam hal ehwal Islam memberi sumber kekuatan dan keutuhan dalam pelaksanaan Islam secara komprehensif dan holistik termasuk menjaga kesucian ajaran Islam khususnya pegangan akidah Islam.

Tidak dinafikan ada beberapa perkara yang timbul seperti isu kepentingan politik tertentu agenda kepartian dan sebagainya dijalankan untuk meraih sokongan kelompok dan organisasi masing-masing. Penulis mendapati urus tadbir hal ehwal Islam sama ada peringkat persekutuan atau pun negeri-negeri tetap menjalankan agenda, pelaksanaan dasar dan lain-lain dalam mengukuhkan dan memperkasakan ajaran Islam kepada seluruh lapisan masyarakat Islam di Malaysia. Dan juga menjaga keharmonian kepelbagaian agama, budaya serta lain-lain di Malaysia. Berlaku salah laku dan penyimpangan khususnya bidang akidah amat perlu diberikan perhatian yang khusus oleh semua pihak sama ada pemerintah atau umat Islam. Ini kerana antara punca perpecahan dan perbalahan apabila pegangan akidah mula beralih arah kepada kepentingan tertentu malahan berlaku perkara yang menjejaskan kemakmuran dan yang terpenting adalah pegangan akidah yang sejahtera merupakan perkasa asas dan nadi kepada keseluruhan ajaran dan tuntutan agama Islam. Dalam peristiwa sejarah kejatuhan pemerintahan Islam iaitu Khilafah Turki Usmani adalah salah satu berpunca akibat daripada kejatuhan akhlak (Nasrun Abdullah, 2020) dan juga pegangan akidah yang mula luntur daripada ajaran Islam sebenarnya iaitu punca dalaman. Sementara faktor luaran juga perancangan dan konspirasi musuh Islam ingin melihat pemerintahan umat Islam musnah dan terpecah belah daripada kesatuan dan perpaduan dalam memimpin dunia ketika itu sebelum kemusnahan dan kejatuhan Khilafah Turki Usmani pada tahun 1924 M.

### **Analisis Pengurusan Akidah oleh JAKIM di TIGA (3) Fasa Pemerintahan dari tahun 2010-2020**

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) selaku institusi Islam utama yang bertanggungjawab terhadap hal ehwal Islam dan isu-isu Islam amat wajar dan relevan dengan misi dan misi bekerjasama dengan institusi Islam negeri-negeri yang ada di Malaysia. Prinsip dan saluran rasmi dibawah Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Agama menjadi tonggak kepada urusetia pentadbiran di peringkat persekutuan di Malaysia. seterusnya dalam analisis pengurusan akidah di Malaysia. Walaupun ada yang mempertikai kewujudan JAKIM dan persepsi umum untuk dibubarkan, akan tetapi peranan dan sumbangan JAKIM tetap diambil kira dari aspek perundangan dan kepimpinan dalam institusi Islam di Malaysia. Seterusnya, cabaran yang menanti sentiasa dalam pelaksanaan tanggungjawab sebagai mengurus hal ehwal Islam di Malaysia, kerana apa yang diputuskan oleh peringkat persekutuan belum tentu dapat dilaksanakan di peringkat negeri yang mempunyai bidang kuasa bagi urusan agama. Namun usaha JAKIM untuk penyelarasan dan penyeragaman mesti diteruskan bagi menjamin segala keputusan yang dibuat, dilaksanakan dan dihadamkan sebgainya negeri-negeri di Malaysia (Mohd Roslan: 2020). Dari dokumentasi persidangan Mufti-Mufti seluruh Malaysia pada 28 Januari 2020, JAKIM salah satu platform penyatuan, penyelarasan dan membantu menghimpun institusi peringkat negeri-negeri dengan persekutuan. Mekanisme Kerjasama berstrategik bagi mendepani cabaran- cabaran isu semasa terutama isu-isu akidah yang menjadi

temi penyelidikan kajian yang telah dilakukan. Dan juga kerjasama berstrategik ini amat diperlukan di antara satu sama lain dalam memantapkan dan memperkukuhkan kedudukan Islam di negeri ini. ([www.islam.gov.com](http://www.islam.gov.com)). Pengurusan Islam termasuk hal ehwal agama Islam di Malaysia berkesimbangan walaupun gelombang dan agenda politik berubah dari semasa ke semasa. Di masa kerajaan Barisan Nasional memerintah iaitu di era Tun Mahadir sehingga Tun Abdullah Ahmad Badawi, dengan pendekatan penerapan nilai-nilai Islam dan Prinsip Islam Hadhari di Malaysia. Potensi dan cabaran tetap ada dalam pelaksanaan di Malaysia yang mempunyai pelbagai kaum, anutan dan sebagainya, namun penerimaan untuk kemakmuran dan kesejahteraan dapat diterapkan dalam kehidupan masyarakat di Malaysia (Zakaria Stapa: 2018).

Di dalam kenyataan sempena Seminar “Gagasan *Rahmatan Lil’ Alamin*”, Pendekatan Rahmatan lil ‘Alamin ini selaras dengan ajaran yang termaktub dalam al-Quran dan hadits Rasulullah SAW. bahawa Islam adalah bersifat sejagat dan sebagai rahmat untuk seluruh alam. Menurut Menteri Agama YB Datuk Seri Dr Mujahid Yusof, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Gagasan Rahmatan lil ‘Alamin adalah manifestasi kepada prinsip utama pengurusan hal ehwal Islam yang dilaksanakan dalam kerangka Maqasid Syariah bagi melahirkan Model Malaysia sebagai dasar serta hala tuju Malaysia Baharu (Diakses melalui [www.islam.gov.my](http://www.islam.gov.my), 2019). Sepanjang pelaksanaan dan pendekatan Gagasan Konsep Negara Rahmah, penulis mendapati strategi dan rakan pintar bersama pemerintah pusat dan negeri-negeri serta Badan bukan kerajaan (NGO) Islam walaupun berlaku perbezaan pendapat dan pandangan. Akan tetapi tidak dapat dinafikan peranan dan sumbangan amalan konsep negara ‘rahmah’ tetap mempertahankan keutuhan pegangan akidah yang menjadi teras dan pengukuhan umat Islam tanpa mengetepikan kemajmukan di Malaysia. Apa jua isu akidah dan pemikiran semasa yang baru ditangani bersama antara kerajaan Persekutuan dan Negeri demi menstabilkan kemaslahatan ummah Islam dan rakyat di Malaysia. Dengan itu Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bertindak sebagai penyelarar bagi hal ehwal Islam dan juga sekaligus mengetuai rakan strategik negeri-negeri di Malaysia. Menurut kenyataan media ucapan oleh Ketua Pengarah JAKIM, badan ini akan terus memperkasakan kegiatan dakwah Islamiyyah yang lebih strategik, menepati kumpulan sasaran dan selaras dengan pemahaman konsep Rahmatan Lil A’lamin, Maqasid Syariah dan Model Malaysia (Fiqh Malizi) yang memerlukan penglibatan pelbagai pihak untuk menjayakannya (Pencapaian 2019, Jabatan Perdana Menteri (Agama), Menuju Negara Rahmah, 2019). Penglibatan rakan strategik yang terdiri dari pelbagai pihak termasuk pihak civil society akan diberi keutamaan. Justeru, pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan tangan terbuka menjalinkan kerjasama strategik dengan sesiapa sahaja bagi mencapai cita-cita ini. Ini seperti mana dijelaskan bahawa pengurusan yang baik dan terancang akan mengurungi risiko terjadinya ketirisan dan penyelewengan (Abdullah, 2010). Sememangnya isu dan cabaran dalam aspek akidah dalam negara sentiasa dilihat begitu kompleks untuk ditangani. Dengan itu, pengurusan akidah perlu dilihat secara profesional dan pemerkasaannya perlu diwacanakan secara serius supaya peranan JAKIM sebagai institusi induk dalam hal ehwal Islam akan dilihat benar-benar berfungsi. Dalam kata lain, JAKIM perlu diiktiraf sebagai penyelarar yang utuh dalam mengurus isu-isu akidah peringkat nasional tanpa sebarang prejudis (Irwan Mohd Subri: 2018).

Akidah ahli Sunnah wal Jamaah merupakan akidah yang berpegang kepada Manhaj Wasatiyyah berada di pertengahan antara golongan tersebut. Dalam pendekatan di Malaysia, apabila konsep *wasatiyyah* dihubungkan dengan akidah bermakna suatu aplikasi dan manifestasi kesederhanaan dan istiqamah dalam kebaikan, keamanan, kekuatan dan kesatuan dalam dasar-dasar agama (al-Qaradawi 2010). Pembahasan utama akidah adalah tertumpu kepada soal-soal yang menyentuh keimanan dan kepercayaan. Pemahaman dan pendefinisian iman yang

terlampau ketat atau longgar boleh memberi implikasi yang buruk kepada pegangan akidah. Berkait dengan ini, Menteri agama menjelaskan kerangka pengurusan hal ehwal Islam yang tampak lebih sederhana. Ucapannya adalah sebagaimana berikut:

Terdapat tiga teras utama falsafah pentadbiran Islam telah kita sama-sama perjuangkan demi memastikan syiar Islam tetap dalam landasannya. Menegakkan 4 Islam atas teras dan landasan Rahmatan lil 'alamin, dirangkum dalam kerangka Maqasid Syariah dan diterjemahkan melalui Model Malaysia perlu sama-sama kita hayati dalam mengurus hal ehwal Islam di negara yang berbilang kaum, bangsa dan agama ini. Islam itu adalah rahmat dari Allah SWT kepada seluruh alam, tanpa batasan kaum, bukan eksklusif kepada sesuatu bangsa dan tidak terhad kepada pengamal budaya tertentu. (Ucapan Menteri Agama Sempena Perhimpunan Agensi-agensi di bawah YB Menteri di Jabatan Hal Ehwal Agama, 2019).

### **Amalan Dasar Manhaj Rabbani dan Pelaksanaannya di Era Perikatan Nasional (PN)**

Dalam melakar kemajuan negara bangsa dan meraih perubahan sama ada dalam aspek sosial, ekonomi mahupun pentadbiran negara agar selari dengan tuntutan beragama (Razi: 2018), sudah pasti terdapat pelbagai cabaran perlu ditempuhi oleh kerajaan hari ini. Apatah lagi dengan perkembangan pelbagai ideologi pemikiran dan falsafah yang seiring dengan kemajuan teknologi massa serta pengaruh globalisasi dunia meresap masuk melalui ruang cyber menjadi ancaman yang agak sukar dikawal. Justeru, Islam Era Malaysia Baharu memperkenalkan dasar Manhaj Rabbani yang berpaksikan tiga ciri utama, Thaqaifah (keilmuan), Ruhaniyah (kerohanian) dan Dakwah (aktivisme) ([www.bharian.com](http://www.bharian.com)). Hal tersebut digunakan sebagai pendekatan oleh pemerintahan Perikatan Nasional dalam mengurus hal ehwal Islam termasuk pengurusan akidah sebagai elemen penting bagi pengukuhan umat Islam di Malaysia melalui peranan JAKIM sebagai penyelarar serta kerjasama institusi Islam di seluruh negeri-negeri di Malaysia.

Menurut Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) teras kepada Dasar Manhaj Rabbani itu ialah pendekatan Maqasid Syariah. Ia juga dikenali sebagai Maqasid Insaniyyah Rabbaniyyah (Al-Amin Bi Albar el at: 2021). Kerajaan di era Perikatan Nasional iaitu telah memperkenalkan Dasar Manhaj Rabbani kerana ia merupakan satu konsep yang dengan dengan masyarakat yang pelbagai di Malaysia (Rafidah: 2021). Dan juga dasar ini berpaksikan kepada tiga ciri utama iaitu Thaqaifah (Keilmuan), Ruhaniyyah (kerohanian) dan Da'wah (aktivisme) (Buqhairoh, 2021). Seterusnya, menurut Datuk Seri Dr Zulkifli lagi, Manhaj Rabbani yang diperkenalkan ini telah pun diketengahkan oleh Tokoh Mufassir tersohor pada abad ke -20 Masihi. Ianya juga dijadikan salah satu pendekatan dan kaedah serta merupakan Model Pembangunan Modul Insan yang terunggul yang diketengahkan oleh pendakwah dan ilmuan Said Hawwa (Al-Amin Bi Albar el at: 2021). Tuntasnya, kehadiran Islam dan semangat keagamaan yang memartabatkan norma norma serta nilai-nilai beragama perlu terus dijaga agar kehidupan masyarakat selari dengan panduan dan ketetapan yang digariskan oleh Allah SWT.

Firman Allah bermaksud:

“Wahai orang-oran beriman, kalau kamu membela (agama) Allah nescaya Allah membela kamu (untuk mencapai kemenangan) dan meneguhkan tapak pendirian kamu”

(Surah Muhammad 47: 7)

Corak perubahan politik, pemerintahan dan kenegaraan, kepentingan umat Islam tanpa menyetepikan perpaduan di Malaysia amat perlu diberi perhatian agar Malaysia sentiasa stabil, makmur dan sejahtera. Bahkan dalam satu kenyataan Perdana Menteri Malaysia ke-9, Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, beramah mesra dengan tetamu pada Majlis Perjumpaan Khas Perdana Menteri Bersama Pemimpin-pemimpin NGO Islam, di Putrajaya, berkata: “Selain itu, majlis ini juga wajar berperanan sebagai pemangkin perpaduan dan penyatuan ummah. Malahan umat Islam mesti bersatu padu tanpa mengira perbezaan fahaman politik, kepertaian, budaya, bahasa dan juga latar belakang sosial”. Selanjutnya Perdana Menteri juga menambah kenyataan bahawa, “Saya percaya dengan penyatuan ummah yang sebenar, tidak mengenyepikan perpaduan di Malaysia serta memberi banyak perkara kebaikan yang boleh kita lakukan demi kebajikan dan kesejahteraan umat Islam dan kemajuan negara Malaysia” (<https://www.bharian.com.my>). Di Malaysia, agama Islam diberi kedudukan yang istimewa dalam Perlembagaan Malaysia dalam Perkara 3 iaitu Islam adalah agama bagi Persekutuan, namun Perkara 11 menyatakan bahawa kebebasan beragama dan kawalan ke atas penyebaran agama-agama lain dalam kalangan orang-orang yang menganut agama Islam. Selanjutnya Perkara 12 menjelaskan tentang hak penyelenggaraan institusi-institusi Islam atau mengadakan atau membantu dalam mengadakan ajaran dalam agama Islam. Maka jelaslah bahawa agama Islam diberi kedudukan yang tinggi dalam perlembagaan Malaysia (Wan Salim Mohd Noor, 2017). Walaupun gelombang arus politik perdana dan perubahan pemerintahan, pengukuhan dan mempertahankan akidah umat Islam tetap dijaga dan dipelihara sejajar dengan tuntutan agama sebagai amanah dan tanggungjawab bersama sebagai seorang mukmin.

Menurut Mohd Aizam Mas’od (2015) menyatakan bahawa pencerahan mengenai isu-isu akidah yang wujud dalam masyarakat Islam, khususnya di Malaysia perlu diberi keutamaan bagi mempertingkatkan kefahaman setiap umat. Pendekatan Dasar Manhaj Rabbani yang diperkenalkan oleh kerajaan Perikatan Nasional agar dapat mewujudkan atau melegasikan satu manhaj yang merupakan untuk pengukuhan termasuk MAqasid Syariah sebagai satu wadah dan dasar dalam memacu pentadbiran Islam dalam pembentukan insan, organisasi dan negara Rabbani. Selari dengan Revolusi Industri (IR) 4.0 agar Dasar Manhaj Rabbani ini menuntun agar tidak tersasar rahmat Allah dalam mencapai kemajuan masa ini. Antara tujuh prinsip yang diperkenalkan iaitu: Pertama ‘Rahmat’ membabitkan pentadbiran yang membawa mesej kasih saying, kesusilaan serta kecaknaan merentasi agama dan bangsa. Kedua ‘Aman’ iaitu pentadbiran yang membawa mesej sederhana atau wasatiyyah Islam, menolak ekstremisme ‘ifrat’ dan Islam liberal (tafrit), serta menyeru kepada keharmonian antara agama dan fiqh ta’ayush (co-existence) ((Al-Amin Bi Albar el at.: 2021)). Seterusnya yang ketiga “Bertuhan’ iaitu pentadbiran yang menjadikan nilai agama berteraskan Maqasid Syariah, sebagai paksi dalam merancang segala dasar, keadah pelaksanaan dan juga penyelesaian masalah. Keempat pula, prinsip ‘Bakti’ yang mengajak pelaksanaan pentadbiran yang menekankan kebajikan, kemanusiaan dan bakti kepada ummah merentasi agama dan bangsa di Malaysia. Kelima adalah prinsip ‘Adil’ iaitu pentadbiran yang menjunjung tinggi prinsip perundangan dalam menegakkan keadilan sebagaimana yang dituntut Islam dan Perlembagaan Persekutuan. (Rafidah, 2021). Manakala keenam pula prinsip ‘Nurani’ membabitkan pentadbiran yang mengangkat nilai kerohanian dan logic bertunjangkan wahyu dalam mendepani apa jua cabaran semasa. Seterusnya yang ketujuh, prinsip “Insani” dengan pentadbiran yang mempertahankan fitrah kemanusiaan dan kemuliaan insan (karamah insaniyyah). Dalam pengurusan akidah dalam mendepani isu akidah dan pemikiran semasa bagi penyelidik mendapati apapun keadaan perubahan pemerintahan, JAKIM sangat berperanan penyelarasan dan diperkukuhkan dengan kekuatan bidang kuasa negeri-negeri di Malaysia bagi mendepani isu akidah dan pemikiran semasa agar pegangan umat Islam tetap terpelihara dan terjaga dari kesesatan dan

penyelewangan yang mengakibatkan pepecahan dan perbalahan umat Islam. Dengan ini Cadangan Model pengurusan akidah sabagai satu pendekatan dan startegi bagi menjaga dan memelihara keharmonian dan kesejahteraan Malaysia.

Konsep dan gagasan ketiga-tiga era sama BN, PH dan PN memberi impak yang pembangunan dan kesediaan untuk bekerjasama serta kepercayaan untuk terus dibimbing dalam urusan ajaran Islam secara arus perdana walaupun menghadapi cabaran dalaman mahupun luaran. Dapatan kajian ini memberi beberapa konklusi. Antaranya

1. Teras utama pentadbiran hal ehwal Islam bersikap terbuka, toleransi dan tegas dalam urusan pegangan akidah sama ada kepimpinan beralih mengikut geopolitik semasa
2. Pemberdayaan dan pemerksaan bidang kuasa hal ehwal Islam tetap diperkukuhkan diperingkat persekutuan dan negeri-negeri di Malaysia
3. Potensi I.R 4.0 dan seterusnya dapat memberi manfaat kepada penyampaian secara komprehensif mengenai kesahihan hal ehwal Islam kepada rakyat Malaysia sama Islam dan bukan Islam.
4. Tema dan pendekatan adalah medium semasa dalam melaksanakan gerak kerja, tadbir urus hal ehwal Islam pada era BN dan PN termasuk keutuhan akidah umat Islam di Malaysia terpelihara dan terjaga dari anasir penyimpangan dan penyelewangan dari ajaran sebenar Islam.
5. Penyatuan dan bekerjasama dalam perkara yang disepakati dan berlapang dada dalam perbezaan perlu diberi perhatian sama ada institusi Islam kerajaan, badan bukan kerajaan NGO, pihak pakar akademik, pendakwah dan ulama agar terpelihara serta diurus selia mengenai perbezaan pandangan dan sebagainya.

## Penutup

Secara keseluruhannya, dapat disimpulkan bahawa, kajian ini mendapati ada beberapa kejayaan yang dilakukan oleh institusi Islam seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan institusi terpilih seperti Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN), Jabatan Mufti Negeri (JMN) serta badan bukan kerajaan dan tokoh serta ilmuan Islam dalam memperkasakan pengurusan akidah di era pemerintahan Barisan Nasional (BN), Pakatan Harapan (PH) dan Perikatan Nasional (PN) memberi sumbangan kepada pengukuhan hal ehwal Islam dalam kelestarian dan kewajaran memanyungi umat Islam dalam konteks masyarakat majmuk di Malaysia (Mohd Roslan, 2020). Polarisasi pengurusan hal ehwal Islam diperingkat persekutuan dan negeri-negeri di tiga era dalam mendapani isu akidah dan pemikiran semasa amat diberi perhatian memandangkan selari dengan Perlembagaan Persekutuan iaitu kedudukan yang istimewa dan unik termaktub dalam Perkara 3 yang bermaksud negara ini mempunyai agama tersendiri sebagai tiang seri dan tonggak pedoman. Maka peranan JAKIM yang pernah dipertikai kewujudan sama ada relevan dan signifikan untuk urus tadbir hal ehwal Islam tidak perlu menjadi polemik dan isu. Ini kerana sejak penubuhan dan peranannya iaitu melalui Majlis Raja-raja Melayu memutuskan Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Islam (MKI) pada tahun 1969, sehingga menjadi Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) pada tahun 1997 sehingga kini. Mengenai pencapaian dan sumbangan JAKIM dalam pengurusan akidah di tiga era iaitu BN, PH dan PN melalui penambahbaikan termasuk memperkukuhkan dan memperkasakan dalam memelihara kesucian agama Islam daripada penyelewangan dan penyimpangan. Walaupun demikian bidang kuasa terhad sebagai penyelaras tetapi JAKIM bersama-sama institusi Islam di negeri-negeri di Malaysia seperti MAIN, JAIN dan JMN amat sangat diharapkan menjadi medium kerjasama strategik agar cabaran dan penyelesaian isu akidah dan pemikiran semasa dapat diurus dengan bijaksana dan berhikmah di dalam konteks kemajmukan atau istilah “Keluarga Malaysia” bagi kestabilan dan kemakmuran negara Malaysia.



## Rujukan

- Al-Quran. Pimpinan Rahman.
- Abdul Aziz Jusoh. 2021. Manhaj Rabbani: Ummah Berkualiti. Diakses <https://www.utusan.com.my/rencana/2021/08/manhaj-rabbani-ummah-berkualiti/>.
- Abdulfatah Haron Ibrahim. 2003. *'Aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah dan Kebatinan*. Cetakan ke-2. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- Abu Sin. Ahmad Ibrahim. 1984. Al-Idarat fi al-Islam. al-Qahirah: Maktabat al-Wahbah.
- Al-Dahiyan 'Abd al-Rahman Ibrahim. 1986. Al-Idarat fi al-Islam. Jeddah: Dar al-Syuruq.
- Ahmad Bashir Aziz. 2015. *Pengurusan Islam Alternatif Pengurusan Moden*. Sintok: Penerbit Uniersiti Utara Malaysia.
- Ahmad Zahiruddin Mohd Zabidi. 2021. *Bolehkah Kita Mengubah Takdir: Renungan Terhadap Falsafah dan Hakikat Takdir Tuhan*. Selangor: PTS Publishing House Sdn.Bhd.
- Auni Abdullah. 2000. *Hisbah Dalam Pentadbiran Negara*. Kuala Lumpur: Ikdas Sdn. Bhd.
- Auni Abdullah. 2010. Teras Utama Sistem Pengurusan Islam. Kuala Lumpur: Alam Raya Enterprise.
- Ali Muhyiddin al-Qaradaghi. 2017. Islam Agama Rahmah: Menanggapi Toleransi, Terorisme dan Demonstrasi. Terj. Furqan Abdullah. Petaling Jaya, Selangor: Ilham Books.
- Auni Abdullah. 2010. Teras Utama Sistem Pengurusan Islam. Kuala Lumpur: Alam Raya Enterprise.
- Baharom Kassim. Mohd Syarul Razi. 2018. Islam Era Malaysia Baharu: Isu dan Agenda Pelaksanaan. lihat Konvensyen Nasional 'Islam dan Era Malaysia Baharu'. Islam Era Malaysia Baharu: Dinamika Wacana Kepelbagiaan Cabaran 10-11 November 2018. Shah Alam: Persatuan Ulama Malaysia (PUM).
- Baharom Kassim (pnvt). 2020. Pemerkasaan Institusi Islam di Malaysia: Melakar Kecemerlangan Masa Depan. Shah Alam: Persatuan Ulama Malaysia (PUM).
- Baharom Kassim (pnvt). 2020. Pemberdayaan Jaringan Strategik Ummah: Melakar Kecemerlangan Masa Depan. Shah Alam: Persatuan Ulama Malaysia (PUM).
- Baharom Kassim (pnvt). 2020. Keluarga Malaysia dan Perpaduan Umat: Konsep, Gagasan dan Realiti. Shah Alam: Persatuan Ulama Malaysia (PUM).
- Baharom Kassim (pnvt). 2020. Pemerkasaan Islam dalam Keluarga Malaysia: Konsep, Gagasan dan Realiti. Shah Alam: Persatuan Ulama Malaysia (PUM).
- Baharuddin Othman. 2021. Prosiding Simposium Dunia Dakwah Digital. (Al-Amin Bi Albar el at. 2021, Dasar Manhaj Rabbani Dalam Melonjak Dakwah Digital di Malaysia. hal. 175-193, Kenigau, Sabah, Malaysia: Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah (IPDAS), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- Buku Laporan Pencapaian 2019. Jabatan Perdana Menteri (Agama) Menuju Negara Rahmah. Gagasan Pentadbiran Islam di Era Malaysia Baru. Teks Ucapan YB Datuk Seri Dr. Mujahid Bin Yusof, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama). Sempena Perhimpunan Agensi-Agensi di Bawah YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), 7 Januari 2019 (Isnin) di Auditorium Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Putrajaya, Wilayah Persekutuan.
- Daulatkan Islam Agama Negara. 2015. Putrajaya: Institut Kajian Strategik Islam Malaysia (IKSIM).
- Engku Ahmad Zaki Engku Alwi. 2007. Membangun Modal Insan Melalui Pemantapan Akidah. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- Engku Ahmad Zaki Engku Alwi. 2010. Akidah dan Isu Sosial: Tonggak Unggul Penyelamat Insan. Kuala Lumpur: Utusan Publications dan Distributors Sdn. Bhd.
- Garis Panduan Umum Tadbir Urus Berteraskan Syariah GTU-S. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).



- <https://www.islam.gov.my>.  
<http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/>.  
 Info Ringkas Maqasid Syariah: Sejangat, Inklusif. Progesif. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).  
 Jurnal Pengurusan Dan Penyelidikan Fatwa (Journal of Fatwa Management And Research. Vol. 8, 2016. Edisi Khas. (pnyt) Irwan Mohd Subri. Penerbit Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD), Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, Nilai, Negeri Sembilan. (muka surat 7 dan 141).  
 Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka.  
 Konsep Rahmah Satu Pengenalan: Siri 1: Oleh Datuk Seri Dr. Mujahid Bin Yusof Rawa, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama). Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Konsep Rahmah Dalam Urus Tadbir: Siri 1: Oleh Datuk Seri Dr. Mujahid Bin Yusof Rawa, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama). Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).  
 Laporan Tahunan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) 2017. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).  
 Pelan Strategik JAKIM 2019-2015. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). 2015. Pasca Modernisme Dan Kelangsungan Islam. Selangor Darul Ehsan: Majlis Agama Islam Selangor (MAIS).Menuju Negara Rahmah. 2019. Pencapaian 2019. Jabatan Perdana Menteri (Agama). Putrajaya: Media Rahmah.  
 Mohd Aizam Mas'od 2015. Diskusi Isu Aqidah dan Pemikiran Islam di Malaysia. Cetakan ke-2. Wilayah Persekutuan: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).  
 Mohd Aizam Mas'od. 2015. Benteng Iman: Merungkai Isu-Isu Akidah Semasa. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.  
 Mohd Aizam Mas'od. (Pegawai Hal Ehwal Islam Bahagian Akidah di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)) dalam temubual dengan penyelidik, 20 Januari 2016.  
 Mohd Farid Mohd Shahrhan. 2014. Akidah dan Pemikiran: Isu dan Cabaran. Cetakan ke 2. Kuala Lumpur; Institut Terjemahan dan Buku Malaysia Berhad.  
 Mohd Hapiz Mahaiyadin. 2017. (pnyt.). Rohidzir Rais. Ini Mazhabku: Bagaimana Saya Beriltizam Dengan Mazhab. Sepang, Selangor: Inspirasi Media.  
 Mohd Roslan Mohd Nor. 2020. *Pemeriksaan Institusi Islam di Malaysia: Cabaran dan Harapan*. Bab Dalam Buku. Baharom Kassim (pnyt). *Pemeriksaan Institusi Islam di Malaysia: Melakar Kecemerlangan Masa Depan*. Edisi Pertama. hal. 1-20. Shah Alam: Persatuan Ulama Malaysia (PUM).  
 Mohamad Zafiri Mohamad Daud. 2019. Nasihat Othman Mustapha. Putrajaya, Wilayah Persekutuan: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.  
 Mohamad Zafiri Mohamad Daud. 2018. Menyantuni Ummat, Membawa Rahmat. Seksyen Syariah, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).  
 Monograf Indeks Syariah Malaysia Siri 1. 2016. Kesejagatan Maqasid Syariah. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).  
 Mujahid Yusof Rawa, Islam dan Kepelbagaian, Rahmat Untuk Semua. 2015. Petaling Jaya, Selangor: Ilhambooks.  
 Noor Hisham Md Naw, Burhan Che Daud. 2019. Pengenalan Kaedah Penyelidikan Islam, Gagasan dan Amalan. Penerbit UMK Universiti Malaysia Kelantan: Kota Bharu, Kelantan. Oxford Dictionaries. 2012. Oxford: Oxford University Press.  
 Pelan Strategik Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) 2019-2025. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).  
 Perlembagaan Persekutuan, Cetakan Semula. 1 November 2010.

- Travor Wade C.H.P. 2012. *The State Islam Nexus: Islam and The State in Indonesia and Malaysia 1982-2008*. Thesis Phd. United State of America (USA): Department of Political Science Univercity of Toronto.
- Sidek Mohd Noah. 2002. *Reka Bentuk Penyelidikan: Falsafah, Teori dan Praktis*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia (UPM).
- Seminar Pengajian Islam 2017 SePis: Memartabatkan Pengajian Islam. Cetakan ke-2. Nilai, Negeri Sembilan. Penerbit UFRC Usuli Faqih Research Centre.
- Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuldin. 2016. *Konsep Fatwa Dalam Islam*. Kuala Terengganu, Terengganu: Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Wan Mohd Yusof Wan Chik, Mohd Sufian Mokhtar, Ahmad Faizil Ismail. 2018. *Baiah Dalam Pelaksanaan Sistem Demokrasi Di Malaysia*. Kuala Terengganu: Penerbit UniSZA Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Wan Zulkifli Wan Hassan. 2014. *Aplikasi Sadd al-Dhara'i'* Dalam Pengawalan Akidah di Malaysia. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Yusuf al-Qarhawi. 1992. *al-Fatwa Bayna al-Indibat al-Tasayyub*. Terj. Ahmad Nuryadi
- Asmawi. 1996. *Fatwa Antara Ketelitian dan Kecerobohan*. Selangor: Thinkers Library Sdn. Bhd.
- Nasrun Abdullah. 2020. *Model Terunggul Kepimpinan Berintegriti*. Kuala Lumpur: Kementerian Pembangunan Luar Bandar.